

**Palanivel Mahu Dr Subramaniam Kekal Sebagai Timbalannya
Bernama
12 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel, mahu timbalannya Datuk Seri Dr S.Subramaniam dikekalkan dalam jawatan itu tanpa bertanding pada pemilihan parti, Disember ini.

Palanivel, yang menang jawatan presiden tanpa bertanding selepas pencalonan presiden ditutup 1 Sept lepas, sebelum ini mengumumkan bahawa beliau tidak akan mempertahankan jawatannya selepas tempoh penggalnya tamat pada 2016.

Sebaliknya, beliau berkata, Dr Subramaniam, yang juga Menteri Kesihatan, akan dicalonkan untuk pemilihan presiden pada 2016.

Dalam kenyataan di sini Khamis, Palanivel, yang juga Menteri Sumber Asli dan Alam sekitar, berkata pemilihan parti kali ini akan menyaksikan pertandingan untuk tiga jawatan naib presiden dan 23 jawatan dalam Jawatankuasa Kerja Pusat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977313>